



Malaysia teroka teknologi baharu industri padi Indonesia

Oleh Essa Abu Yamin - Mac 17, 2023 @ 8:18pm
essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke Indonesia bagi mengukuhkan kerjasama dan meneroka teknologi baharu industri padi di negara republik itu.

KPKM dalam kenyataan hari ini berkata, lawatan bermula 17 hingga 19 Mac 2023 yang diketuai Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu itu bertujuan meneroka teknologi dan pendekatan baharu yang diguna pakai Indonesia dalam meningkatkan pengeluaran hasil padi.

"Lawatan berkenaan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 KPKM untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara sebagai makanan ruji rakyat Malaysia.

"Menteri KPKM akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Wakil Menteri Pertanian Republik Indonesia, Harvick Hasnul Qolbi pada 20 Mac 2023 bagi mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian termasuk ekonomi, pelaburan dan teknikal," katanya.

Katanya, turut dijadualkan lawatan ke Pusat Penelitian Pengembangan dan Penerapan Bioteknologi di Serang, Banten bagi melihat dengan lebih dekat kejayaan industri padi Indonesia.

"Lawatan kerja berkenaan turut disertai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM Datuk Badrul Hisham Mohd dan pegawai-pegawai kanan KPKM," katanya.